

22 NOV 1998

Lumba Kereta-Proton/I

PERLUMBAAN MERDEKA YANG PERTAMA GUNAKAN LITAR SEPANG

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Perlumbaan Merdeka Proton Antarabangsa sejauh 300 km diberi penghormatan menjadi perlumbaan pertama menggunakan Litar Sepang berharga RM300 juta pada 11-13 Dis depan.

Penghormatan itu diberi selepas Malaysia Airports Berhad mengesahkan perlumbaan itu akan menjadi perlumbaan pertama menggunakan litar serba canggih dan moden itu yang dibina untuk perlumbaan Formula One tahun depan.

Ini bermakna para peserta akan menggunakan litar itu sebelum perlumbaan Formula One FIA dan Kejohanan Motosikal 500cc Dunia di situ.

Penganjur perlumbaan, Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) dalam satu kenyataan di sini hari ini berkata, Litar Sepang adalah antara yang terbaik dan terselamat di dunia.

Penonton boleh menyaksikan perlumbaan di litar ini dengan selesa kerana Proton hanya akan menggunakan litar sepanjang 2.805km walaupun panjang sebenar litar ini ialah 5.542km.

Perlumbaan Merdeka ini mula dianjurkan tahun lepas di litar Shah Alam dengan 47 penyertaan.

Kenyataan itu berkata Proton berharap perlumbaan kali ini akan mendapat sambutan lebih baik dari tahun lepas kerana ia diadakan di gelanggang baru yang menawarkan pelbagai kemudahan dan cabarannya pula lebih hebat.

Selain Piala Pusingan Perdana Menteri, yang dihadiahkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juara keseluruhan perlumbaan tahun ini akan menerima hadiah sebuah kereta baru Proton Satria GTi.

Proton telah menetapkan setiap penyertaan dimestikan mempunyai dua pemandu, seorang daripadanya hendaklah pemandu Malaysia yang memegang lesen perlumbaan novis.

Pemegang lesen novis ini pula hendaklah belum pernah memenangi perlumbaan dalam apa jua kelas atau kategori keseluruhan, sejak 1 Jan, 1997.

Setiap pemandu pula tidak dibenarkan memandu lebih 50 minit pada tiap satu ketika.

Penyertaan ini yang ditutup pada 30 Nov terbuka kepada semua. Yuran penyertaan ialah RM2,500 bagi pasukan yang mempunyai penaja dan RM1,500 tanpa penaja.

Penyertaan lewat dari 1 hingga 5 Dis akan dikenakan yuran tambahan, RM3,500 bagi pasukan yang ada penaja dan RM2,000 tanpa penaja.

-- BERNAMA

DC ZB